Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm.117-136
e-ISSN: 2600-8726© Nordiana Nasuha Molinka
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

KOLEKSI GENDANG GANGSA DI MALAYSIA BERDASARKAN KLASIFIKASI HEGER

The Collection of Bronze Drums in Malaysia Based on the Heger Classificatio

Nordiana Nasuha Molinka*

Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: nordiananmolinka@ums.edu.my

Dihantar: 24 Julai 2026 / Penambahbaikan: 23 Ogos 2026
Diterima: 29 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Zaman Logam di Asia Tenggara dicirikan oleh perkembangan dan penyebaran budaya gendang gangsa dari Tanah Besar Asia ke seluruh kepulauan rantau Asia Tenggara menerusi jaringan laluan maritim. Di Malaysia, jumpaan artifak gendang gangsa direkodkan berlaku di beberapa kawasan strategik yang merangkumi Semenanjung Malaysia dan Sabah. Sehingga kini, sebanyak 22 buah gendang gangsa berjaya didokumentasikan menerusi penemuan tidak sengaja, koleksi warisan istana, serta simpanan pihak orang perseorangan. Walau bagaimanapun, timbul satu permasalahan utama dalam disiplin arkeologi tempatan ekoran wujudnya kelompangan maklumat yang ketara akibat ketiadaan pendokumentasian secara berpusat yang menghimpunkan keseluruhan jumpaan tersebut. Perkara ini menyukarkan usaha sistematik untuk mengemas kini kedudukan, taburan kontekstual, dan status tipologi artifak-artifak tersebut secara kronologi. Sehubungan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk menghimpunkan laporan inventori terkini bagi kesemua 22 buah gendang gangsa di Malaysia, sekali gus menganalisis dan membahagikan klasifikasinya berdasarkan acuan sistem tipologi Franz Heger (Heger I, II, dan III). Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini menerapkan pendekatan metodologi kualitatif yang bersandarkan kepada analisis rekod muzium dan teubual, seterusnya diperkukuh dengan sorotan literatur kritis terhadap laporan dan penulisan jurnal terdahulu. Hasil kajian ini diharapkan dapat membekalkan satu dokumentasi inventori terkini yang berpotensi menjadi sumber rujukan berwibawa kepada para pengkaji, di samping memperkasakan

dokumentasi artifak Zaman Logam, terutamanya zaman gangsa di Malaysia.

Kata Kunci : Gendang Gangsa, Heger, Timpanum, Arkeologi di Malaysia

Abstract

The Metal Age in Southeast Asia is characterized by rapid advancements in metallurgical technology and the maritime diffusion of the bronze drum culture from Mainland Asia across the Southeast Asian region. In Malaysia, discoveries of these bronze drum artifacts have been documented in several strategic areas spanning Peninsular Malaysia and Sabah. To date, a total of 22 bronze drums has been recorded, originating from accidental discoveries by residents, royal heritage collections, and private ownership. However, a primary issue persists within the local archaeological discipline due to a significant information gap resulting from the absence of a centralized documentation system to consolidate all these discoveries. This lack of centralization impedes systematic efforts to update the chronology, geographical distribution, and typological status of the artifacts. Consequently, the primary objective of this study is to compile an updated inventory report of all 22 bronze drums in Malaysia, while simultaneously analyzing and categorizing their classifications based on the Franz Heger typological framework (Heger I, II, and III). To achieve this, the study adopts a qualitative methodology anchored in intensive archival analysis across key museum repositories. This primary data is further reinforced by a critical literature review of previous excavation reports and local journal publications. The findings are expected to provide an updated, holistic inventory documentation that serves as an authoritative reference for future researchers, thereby strengthening the corpus of documentation for Metal Age artifacts in Malaysia.

Keywords *: Bronze drums, Heger, Tymphanum, Archaeology in Malaysia*

Pengenalan

Penemuan gendang gangsa di Asia Tenggara merupakan penanda penting kepada era Zaman Logam, yang dikaitkan secara langsung dengan kebudayaan Dong Son berpusat di Lembah Sungai Merah, Vietnam. Penemuan artifak ini menjadi petunjuk utama kepada kewujudan jaringan interaksi maritim yang meluas di seluruh rantau Asia Tenggara (Jusoh, Sabin, dan Ramli, 2011; Leong, 1989, 1997, 2002; Linehan, 1928, 1951; Nik Abdul Rahman, 1998, 2001; Peacock, 1964, 1965, 1969). Sebenarnya, gendang gangsa bukan sekadar artifak biasa, malah merupakan objek sakral yang berperanan sebagai simbol status elit golongan pemerintah, instrumen dalam upacara keagamaan dan ritual meminta hujan, serta komoditi perdagangan bernilai tinggi (Jusoh et al., 2011; Leong, 1989, 1997, 2002). Selain itu, artifak berkenaan telah menjadi komoditi perdagangan bernilai tinggi terutamanya di Kepulauan Asia Tenggara (Bernet Kempers, 1988; Calo, 2004, 2012).

Gendang Gangsa di Malaysia

Rekod penemuan artifak gendang gangsa di Malaysia telah dicatatkan seawal tahunn 1928 oleh W. Linehan menerusi penemuan Gendang Gangsa Tembeling di Pahang. Rangkaian penemuan secara tidak sengaja semasa aktiviti pembangunan kawasan terus direkodkan sehingga penemuan keenam (gendang gangsa kesembilan) di Kampung Sungai Sedu, Langat, Selangor pada tahun 1996. Selain itu, kajian ekskavasi penyelamatan arkeologi telah dijalankan di beberapa lokasi seperti Tebing Sungai Tembeling, Pahang, Kampung Bukit Kuda, Selangor, Kg. Sungai Lang, Selangor, Kg,Batu Buruk, Terengganu dan Gua Timbang Dayang, Pulau Banggi, Sabah (Jusoh, 2012, 2014; Jusoh et al., 2011, 2019; Leong, 1997, 2002; Linehan, 1928, 1951; Nik Abdul Rahman, 1998, 2001; Peacock, 1964, 1965, 1969). Penemuan Gendang Gansa Timbang Dayang (GGTD) pada 1994 oleh penduduk kampung merupakan penemuan tunggal di Malaysia Timur (Molinka, 2018, 2022; Aoyagi, 1996; Calo, 2007, 2014; Jusoh, 2014; Muzium Sabah, t.t.; Peter Koon, temu bual peribadi, 23 Ogos 2021, Affendy Rahmat, temu bual peribadi, 13 September 2021; Aldofus Lester John Milip, temu bual peribadi, 13 September 2021). Sebahagian besar artifak yang diperoleh menerusi penemuan tidak sengaja dan ekskavasi penyelamatan ini berada dalam keadaan kurang sempurna.

Berbeza dengan jumpaan secara tidak sengaja dan ekskavasi penyelamatan yang berfragmentasi, Malaysia turut memiliki beberapa artifak gendang gangsa yang lengkap menerusi koleksi Diraja Istana Bukit Kolam, Terengganu iaitu sebanyak 10 buah yang kini diserahkan kepada pihak Muzium Terengganu (Abdullah, 1993). Selain itu, terdapat sebanyak tiga buah gendang gangsa daripada koleksi Muzium Matang, Perak (Jusoh 2019) turut direkodkan menjadikan artifak gendang gangsa yang lengkap adalah sebanyak 13 buah gendang. Oleh yang demikian, secara umumnya sebanyak 22 buah gendang gangsa berjaya direkodkan di seluruh negara.

Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif menerusi kaedah kajian perpustakaan dan temu bual. Pemilihan kaedah ini bertujuan bagi membolehkan satu analisis sintesis data dilakukan secara menyeluruh terhadap artifak gendang gangsa yang kini disimpan di pelbagai institusi muzium utama, termasuk Muzium Negara di Kuala Lumpur, Muzium Negeri Terengganu, Muzium Sabah di Kota Kinabalu, dan Muzium Matang di Perak. Bagi menyokong analisis ini, kajian meneliti pelbagai dokumen primer dan sekunder seperti laporan rasmi muzium, buku, serta artikel jurnal berwasit *(peer-reviewed)* tempatan dan antarabangsa yang pernah menerbitkan maklumat mengenai ciri-ciri fizikal serta pentarikhan kronologi artifak berkaitan.

Bagi mencapai objektif kajian, setiap gambar dan rekod fizikal artifak dianalisis secara analisis seriasi serta perbandingan morfologi berpandukan sistem Tipologi Franz Heger pada tahun 1902 (Bernet Kempers, 1988). Proses pengecaman dilakukan terhadap morfologi badan gendang (mantel) dengan meneliti tiga bahagian yang jelas iaitu bahu, pinggang, dan kaki. Di samping itu, analisis ikonografi timpanum dijalankan untuk menilai variasi motif geometri pada permukaan atas gendang. Tumpuan khusus diberikan kepada jumlah bucu pada motif bintang pusat, sama ada berbucu 8, 10, atau 12, berasaskan rujukan kajian lepas (Jusoh, 1995; Linehan, 1926; Peacock, 1964, 1965, 1969). Ciri-ciri ikonografi lain pada badan dan tepi timpanum seperti kewujudan arca katak tiga dimensi (3D) turut dijadikan petunjuk utama dalam membezakan antara jenis Heger II dan Heger III.

Klasifikasi Koleksi Gendang Gangsa Mengikut Tipologi Heger

Sistem klasifikasi Franz Heger (Foto 1) merupakan standard utama yang digunakan dalam disiplin arkeologi secara global untuk mengkategorikan tipologi gendang gangsa prasejarah di Asia Tenggara. Pengelasan yang diasaskan pada tahun 1902 ini menilai evolusi struktur fizikal dan variasi reka bentuk artifak menerusi analisis seriasi terhadap aspek morfologi badan (mantel) serta keunikan motif ikonografi pada permukaan atas (timpanum). Secara umum, sistem ini membahagikan gendang gangsa kepada empat kategori utama, iaitu Heger I, Heger II, Heger III, dan Heger IV (Jadual 1). Di Malaysia, rekod taburan data tersebut didominasi oleh variasi Heger I, II, dan III. Menerusi pengklasifikasian semula artifak tempatan, inventori kajian ini merekodkan sebanyak 9 buah gendang Heger I, 3 buah Heger II, 5 buah Heger III, serta 5 buah artifak yang berada di luar klasifikasi Heger.

Foto 1: Klasifikasi Heger, 1902



Sumber: Diubah suai daripada Bernet Kempers (1988).

Jadual 1: Klasifikasi Heger

Ciri / Klasifikasi	Heger I *(Variasi 1a, 1b, 2a, 2b, 3a, 3b)*	Heger II	Heger III *(Variasi Male & Female)*	Heger IV
Timpanum	• Tiada pertindihan (overlap) dengan bahu. • Diameter: 20 cm – 120 cm (purata: 40 cm). • Mempunyai bucu bintang paling besar.	• Wujud sedikit pertindihan (overlap). • Diameter: 60 cm – 80 cm. • Mempunyai bintang berbucu lapan.	• Terdapat sambungan (tambah) sedikit pada pinggir. • Pertindihan jelas antara timpanum dan mantel. • Bintang berbucu 12 (terdapat juga berbucu 8).	• Saiz timpanum melebihi mantel gendang. • Bintang berbucu 12 secara konsisten (melambangkan 12 bulan setahun).
Mantel *(Bahu, Pinggang, Kaki)*	• **Bahu:** Cembung. • **Pinggang:** Lurus/silinder. • **Pemegang:** Setengah bulatan (semicircular). • **Kaki:** Condong dan tanpa hiasan.	• **Bahu:** Cembung rendah (low cylinder). • **Pinggang:** Cengkung (concave trunk). • **Pemegang:** Berkembar. • **Kaki:** Saiz hampir sama dengan dimensi timpanum.	• **Bahu, Pinggang & Kaki:** Langsing, tinggi, dan bersaiz lebih besar berbanding Heger II & IV. • **Pemegang:** Berkembar. • **Kaki:** Bahagian terkecil berbanding badan/timpanum.	• Tiada pembahagian struktur yang khusus. • Bahagian atas mantel lebih besar berbanding dimensi timpanum. • Bahagian kaki lebih kecil daripada mantel. • Mempunyai dua pemegang.
Pola Hiasan & Arca	• **1a & 1b:** Ringkas, tidak kemas, motif geometri/kepala imej kompleks. • **2a & 2b:** Lebih kemas dan menarik. • **3a & 3b:** Kompleks, imej manusia/haiwan, arca katak *3D* di bahagian luar.	• Pola hiasan ringkas menggunakan motif geometri dengan segmen (zon) yang banyak. • Arca katak dijadikan hiasan bertapis (berlingkat), namun saiznya lebih kecil berbanding Heger I.	• Hiasan ringkas bermotif geometri berselang-seli dengan imej tambahan (padi) dan haiwan (burung, ikan, gajah). • ***Male:*** Mempunyai patung katak. • ***Female:*** Kurang/tiada patung katak.	• Didominasi oleh motif geometri yang ringkas dan kurang variasi estetika.
Jangka Masa & Taburan Geografi	• **Jangka Masa:** Abad ke-3 S.M. hingga ke-1 M. • **Taburan:** Vietnam hingga Indonesia.	• **Jangka Masa:** Abad ke-3 S.M. hingga ke-17 M. • **Taburan:** Laos, Vietnam, dan Selatan China.	• **Jangka Masa:** Tempoh prasejarah akhir hingga proto-sejarah. • **Taburan:** Myanmar, Thailand, dan Kemboja.	• **Jangka Masa:** Tempoh sejarah lewat. • **Taburan:** Yunnan (China), Vietnam, dan Indonesia.
Tipologi / Jenis Gendang	• Dong Son • Shizhaishan • Shizhaishan-Pejeng	• Gendang Muong	• Gendang Karen • *Frog Drum*	• Gendang China
Fungsi Utama	• Aktiviti keramaian, ritual istana, bekal kubur (*grave goods*), dan bekas penyimpanan makanan.	• Bekal kubur (*grave goods*) khusus dalam kawasan pengebumian masyarakat Muong.	• Instrumen ritual pertanian dan keramaian komuniti.	• Fungsi sosio-politik dan perdagangan.
Catatan / Catatan Sumber	• Menurut Kempers, Heger I terbahagi kepada sub-kategori: 1a, 1b, 2a, 2b, 3a, dan 3b.	• Penemuan artifak adalah kurang berbanding jenis Heger yang lain.	• Etnik Karen (Myanmar) bertindak sebagai pengguna, manakala etnik Shan (Sempadan Thailand-China) sebagai pengilang.	• Dikenali secara komersial dalam pasaran arkeologi sebagai "Gendang China".

Sumber: Diubah suai daripada (Bernet Kempers, 1988: Imamura, 2010).

Gendang Gangsa Heger I

Gendang gangsa dalam kategori Heger I menampilkan variasi saiz yang meluas dan pelbagai. Bermula daripada saiz kecil dengan diameter sekitar 20 cm sehinggalah saiz besar yang mencecah diameter 120 cm. Dari sudut estetika dan reka bentuk, kategori ini secara umumnya dicirikan oleh corak hiasan geometri yang ringkas serta bentuk badan (mantel) khas menyerupai cendawan dengan bahagian kaki yang terbuka. Bagi memperincikan lagi variasi bentuk Heger I, Bernet Kempers telah membahagikannya kepada empat sub-kategori utama iaitu a, b, c, dan d. Pembahagian ini kemudiannya diperkemas dan dikembangkan secara lebih mendalam oleh Imamura (1993, 2010) menerusi pengelasan semula mengikut fasa kronologi dan morfologi, iaitu fasa 1a, 1b, 2a, 2b, 3a, dan 3b.

Di Malaysia, kesemua sembilan buah gendang gangsa yang dikategorikan di bawah Heger I (Foto 2 dan Foto 3) dikenal pasti terdiri daripada sub-jenis Dong Son B dan Dong Son C (II). Pengelasan artifak tempatan ini (Jadual 2) dibuat berpandukan analisis tipologi Heger serta rekod dokumentasi daripada kajian-kajian terdahulu (Linehan, 1928; Peacock, 1969; Jusoh, 2012; Molinka, 2022).

Gendang Gangsa Heger II


Gendang gangsa daripada kategori Heger II dipercayai berasal dari wilayah yang sama dengan Heger I, iaitu di Selatan China dan Utara Vietnam. Pengecaman tipologi Heger II agak mencabar kerana ciri-ciri fizikalnya masih memperlihatkan persamaan yang rapat dengan Heger I. Walau bagaimanapun, sesetengah pakar arkeologi berpendapat bahawa gendang jenis Heger II dibuat khusus sebagai tradisi bagi masyarakat Viet-Muong (Bernet Kempers 1988). Dari segi morfologi, bahagian timpanum Heger II bersaiz lebih besar berbanding bahagian badannya sehingga mewujudkan lebihhan timpanum *(overlap*) dan berbentuk cembung.

Jadual 2: Koleksi Gendang Gangsa Heger I

Bil.	Nama Gendang	Jenis Gendang	Ciri-ciri Gendang	Sumber
1	**Gendang Tembeling** Batu Pasir Garam Tembeling, Pahang	Heger I (Dong Son B)	Bintang 10 bucu, empat ekor burung dan segitiga pada setiap selang bucu bintang.	W. Linehan (1928)
2	**Gendang Klang** Bukit Kuda, Klang, Selangor	Heger I (Dong Son B)	Bintang 10 bucu, empat ekor burung terbang dan motif huruf 'Z' pada timpanum.	B.A.V. Peacock (1944)
3	**Gendang Sg. Lang I** Kg. Sg.Lang, Kuala Langat, Selangor	Heger I (Dong Son B)	Bintang 10 bucu, empat ekor burung dan segitiga pada setiap selang bucu bintang.	B.A.V. Peacock (1964)
4	**Gendang Sg. Lang II** Kg. Sg.Lang, Kuala Langat, Selangor	Heger I (Dong Son C II)	Bintang 12 bucu, empat ekor katak di luar timpanum, 6 ekor burung dan 20 ekor burung terbang pada timpanum mengelilingi bintang.	B.A.V. Peacock (1964)
5	**Gendang Batu Buruk I** Batu Buruk, Terengganu	Heger I (Dong Son B)	Gendang I: Bintang 10 bucu, 12 ekor burung dan burung terbang serta terdapat segitiga pada setiap selang bucu bintang.	B.A.V. Peacock (1964)
6	**Gendang Batu Buruk II** Batu Buruk, Terengganu	Heger I (Dong Son C II)	Bintang 12 bucu, 24 ekor burung 84 ekor burung terbang pada timpanum mengelilingi bintang.	B.A.V. Peacock (1964)
7	**Gendang Kg. Gaung** Kg. Gaung, Besut, Terengganu	Heger I	Bintang 12 bucu dan terdapat 4 ekor burung serta terdapat hiasan segitiga pada selang bucu bintang. Selain itu, terdapat juga motif 'L' dan 'Z' digunakan.	Nik Hassan Shuhaimi (1996)
8	**Gendang Sg. Sedu** Kg. Sg. Sedu, Kuala Langat, Selangor.	Heger I	Pecahan artifak adalah bersaiz kecil menyukarkan proses pengecaman motif dan hiasan.	Adnan Jusoh (1996)
9	**GGTD** Bukit Timbang Dayang, P. Banggi, Sabah	Heger I (Dongson B)	Bintang 12 bucu. Terdapat lebihan pada Timpanum sehingga membentuk timpanum seperti soket mata. Hiasan juga ringkas dan terdapat ruangan kosong pada bulatan yang mengelilingi timpanum.	Muzium Sabah (1995)

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada (Linehan, 1928; Peacock, 1969).

Foto 2: Lakaran dan Pecahan artifak Gendang Gangsa



Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada (Peacock, 1969; Jusoh, 2012).

Foto 3: Lakaran Gendang Gangsa Tembeling dan Pecahan artifak Gendang Gangsa Sungai Lang I dan Sungai Lang II, Sungai Sedu



Sumber: Diubahsuai daripada (Linehan, 1928; Jusoh, 2012).

Dari segi ukuran, Heger II merangkumi saiz sederhana hingga sangat besar (Bernet Kempers, 1988) iaitu dengan julat diameter antara 60 cm hingga 100 cm serta ketinggian antara dari 40 cm hingga 65 cm. Bahagian bahu gendang mempunyai ukuran saiz yang seimbang dengan bahagian kaki, manakala bahagian pinggangnya berbentuk cengkung (*concave trunk*). Manakala, hiasan pada pusat timpanum secara umumnya didominasi oleh motif bintang berbucu lapan. Walau bagaimana pun tidak semua bintang berbucu lapan tersebut adalah Heger II dan masih terdapat beberapa jumpaan Heger

II yang mempunyai jumlah bucu 10 atau 12.

Di Malaysia, rekod inventori bagi kategori Heger II (Jadual 3) diwakili oleh tiga buah artifak daripada koleksi Istana Bukit Kolam (Abdullah, 1993). Ketiga-tiga gendang ini (Foto 4) secara konsisten menampilkan motif bintang berbucu lapan serta hiasan arca berbentuk siput pada permukaan timpanum. Penyelidikan dan dokumentasi mendalam menerusi analisis ciri fizikal serta motif hiasan pada permukaan dan badan gendang amat diperlukan bagi melengkapkan rekod sedia ada. Usaha pemeliharaan yang berterusan adalah krusial bagi memastikan warisan berharga Zaman Logam ini kekal terpelihara untuk generasi masa hadapan.

Jadual 3: Koleksi Gendang Gangsa Heger II

Nama Gendang	Ciri-ciri Gendang	Sumber
Istana-a **Koleksi Muzium Terengganu.**	Bintang bucu lapan, tiga ekor burung terbang dan empat ekor siput pada keliling timpanum.	Abdullah, 1993.
Istana-b **Koleksi Muzium Terengganu.**	Bintang lapan bucu, hiasan geometrterdapat hiasan pada luar tympanum namun telah hilang.	Abdullah, 1993.
Istana-c **Koleksi Muzium Terengganu.**	Bintang bucu lapan, hiasan empat ekor siput pada luar timpanum. Hiasangeometri pada bahagian timpanum danpada keseluruhan mantle.	Abdullah, 1993.

**Penamaan artifak gendang gangsa koleksi istana adalah mungkin berbeza dengan Muzium Terengganu.

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada (Abdullah, 1993).

Foto 4: Gendang Gangsa Heger II



Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada (Abdullah, 1993).

Gendang Gangsa Heger III

Gendang gangsa kategori Heger III banyak ditemui di rantau Asia Tenggara, terutamanya di kawasan dataran tanah tinggi Myanmar dan bahagian barat Thailand. Masyarakat Karen merupakan pengamal utama tradisi ini kerana dominan menggunakan dalam pelbagai perayaan dan ritual keagamaan, sehingga mendapat jolokan sebagai gendang hujan (*rain drum*) kerana dibunyikan khusus untuk memanggil hujan (Bernet Kempers, 1988). Secara tipologi, Heger III dicirikan oleh permukaan timpanum yang luas dan melebihi ukuran bahagian badan gendang (*overlap*). Motif hiasan timpanum didominasi oleh motif bintang berbucu lapan dan 12. Dari sudut ikonografi, arca katak tiga dimensi yang menghiasi bahagian rim timpanum kelihatan lebih langsing berbanding arca katak pada Heger I dan Heger II. Keunikan utama Heger III terletak pada susunan arca katak ini, yang sering kali diletakkan secara bertingkat (*stacked frogs*) sebanyak dua atau tiga ekor. Selain motif katak, sebahagian gendang Heger III variasi lewat (moden) turut menampilkan arca gajah yang diletakkan pada bahagian tepi mantel gendang (Fraser, 1983). Dari segi struktur badan (mantel), bahagian bahu dibentuk seimbang dengan bahagian kaki, manakala bahagian pinggangnya pula kelihatan lebih langsing

dan tinggi berbanding nisbah keseluruhan struktur gendang.

Di Malaysia, rekod inventori bagi kategori Heger III (Jadual 4) merangkumi lima buah gendang gangsa, iaitu tiga buah daripada koleksi Istana Bukit Kolam (Foto 5) dan dua buah (Foto 6) daripada koleksi Muzium Matang, Perak (Adnan Jusoh, 2019; Muhd. Yusuf Abdullah, 1993). Sehingga kini, kelima-lima artifak ini merupakan jumlah rasmi bagi variasi Heger III yang direkodkan secara bertulis di negara ini.

Jadual 4: Koleksi Gendang Gangsa Heger III


Nama Gendang	Ciri-ciri Gendang	Sumber
Istana-d **Koleksi Muzium Terengganu**	Bintang 12 bucu, hiasan empat katak bertingkat 3 serta hiasan motif geometri pada keseluruhan timpaum dan kaki mantle. Terdapat tiga ekor ukiran relief berbentuk gajah pada kedua-dua sisi pinggang mantle	Abdullah, 1993.
Istana-e **Koleksi Muzium Terengganu**	Bintang 12 bucu, hiasan relief empat katak bertingkat 3 serta hiasan motif geometri pada keseluruhan timpaum dan kaki mantle. Terdapat satu ekor relief berbentuk gajah pada kedua-dua sisi pinggang mantle.	Abdullah, 1993. .
Istana-f **Koleksi Muzium Terengganu**	Bintang 12 bucu, hiasan releif empat katak bertingkat 3 serta hiasan motif geometri pada keseluruhan timpaum dan kaki mantle. Terdapat tiga ekor releif berbentuk gajah pada kedua-dua sisi pinggang mantle	Abdullah, 1993.
JMA.PDN.1146. 2001.BLN.770 **Koleksi Muzium Matang, Perak.**	Bintang 12 bucu dan motif bulatan bertitik, kelok 'S' dan huruf 'T' berjumlah 25, patung katak bertingkat dan patung gajah pada kedua-dua sisi mantle gendang.	Jusoh & Sabin, 2019
JMA.PDN.1146.	Bintang 12 bucu dan motif	Adnan Jusoh,

2001.BLN.771 Koleksi Muzium Matang, Perak.	bulatan bertitik, motif segiempat berhias, motif abjad dan motif ikan	2019

**Penamaan artifak gendang gangsa koleksi istana adalah mungkin berbeza dengan Muzium Terengganu.


Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada (Abdullah, 1993; Jusoh & Sabin, 2019)

Foto 5: Koleksi Heger III dalam simpanan Muzium Terengganu



Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada (Abdullah, 1993).

Foto 6: Koleksi Heger III dalam simpanan Muzium Matang, Perak



Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Jusoh dan Sabin (2019)

Gendang Gangsa tidak Dikenal pasti (*Non-Heger*)

Walau bagaimanapun, daripada keseluruhan 22 buah gendang gangsa yang direkodkan di Malaysia, terdapat lima buah artifak (Foto 7) yang tidak dapat diklasifikasikan di bawah mana-mana klasifikasi tipologi Heger I, II, III, mahupun IV. Artifak tersebut merangkumi empat buah gendang daripada koleksi Muzium Negeri Terengganu dan sebuah daripada koleksi Muzium Matang, Perak (Abdullah, 1993; Jusoh & Sabin, 2019). Berdasarkan analisis bentuk profil fizikalnya, artifak berkenaan dipercayai berasal dari wilayah Selatan China (Jusoh, 2004). Ciri keunikan utama pada artifsk non-Hegeri terletak pada morfologi fizikalnya yang agak tingg iaitu mencapai hampir satu meter. Walaupun dikenali sebagai non-Heger (Jadual 7), namun artifak yang ada tetap mengekalkan ukuran diameter timpanum dan bahagian kaki yang seimbang serta selari dengan ciri tipikal gendang gangsa jenis Heger terutamanya Heger I.

Foto 7: Gendang Gangsa yang tidak dikenal pasti di Malaysia



**Penamaan artifak gendang gangsa koleksi istana adalah mungkin berbeza dengan Muzium Terengganu.

Sumber: Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada (Abdullah, 1993; Jusoh & Sabin, 2019).

Jadual 5: Koleksi Gendang Gangsa Tidak dikenal pasti

Nama Gendang	Ciri-ciri Gendang	Sumber
Istana-g	Bintang 12 bucu, mempunyai mantle yang tinggi dan padat dengan hiasan geometri.	Abdullah, 1993. Koleksi Muzium Terengganu.
Istana-h	Bintang 12 bucu, mempunyai mantle yang tinggi dan padat dengan hiasan geometri	Abdullah, 1993. Koleksi Muzium Terengganu.
Istana-i	Bintang 12 bucu, mempunyai mantle yang tinggi dan padat dengan hiasan geometri	Abdullah, 1993. Koleksi Muzium Terengganu.
Istana-j	Bintang 12 bucu, mempunyai mantle	Abdullah,

	yang tinggi dan padat dengan hiasan geometri	1993. Koleksi Muzium Terengganu.
JMA.PDN. 1146. 2001.BLN.772	Bintang 12 bucu dan motif bulatan bertitik, motif segiempat berhias, motif abjad dan motif ikan	Jusoh & Sabin, 2019 Koleksi Muzium Matang, Perak.

**Penamaan artifak gendang gangsa koleksi istana adalah mungkin berbeza dengan Muzium Terengganu.

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada (Abdullah, 1993; Jusoh & Sabin, 2019).

Perbincangan

Dapatan analisis menunjukkan bahawa gendang gangsa klasifikasi Heger I mencatatkan bilangan penemuan tertinggi di Malaysia setakat ini, meskipun kesemua artifak yang ditemui dalam keadaan berfragmentasi atau tidak sempurna. Penemuan kedua terbanyak diwakili oleh Heger III, yang kemudiannya diikuti oleh non-Heger. Sebaliknya, klasifikasi Heger II mencatatkan rekod penemuan paling minimum, iaitu dengan jumlah sebanyak tiga buah artifak sahaja.

Secara teoretikal, taburan kontekstual artifak Heger I di Malaysia bertindak sebagai indikator yang signifikan terhadap keaktifan dan kedinamikan jaringan perdagangan maritim di rantau Laut China Selatan (Jusoh et al., 2011). Dalam konteks yang sama, analisis terhadap koleksi institusi muzium khususnya koleksi berprestij Istana Bukit Kolam di Muzium Negeri Terengganu mampu merungkai implikasi sosiopolitik yang lebih luas, terutamanya dalam mengenalpasti jalinan hubungan diplomatik serta interaksi rentas sempadan antara institusi kesultanan Terengganu dengan politik luar.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, inisiatif untuk menghimpunkan dan mendokumentasikan 22 buah artifak gendang gangsa di Malaysia menerusi kerangka tipologi Franz Heger merupakan satu langkah fundamental yang berjaya merungkai masalah kelompangan data dalam disiplin arkeologi tempatan. Kajian ini telah mengklasifikasikan taburan artifak tersebut secara sistematik kepada sembilan buah gendang Heger I, tiga buah Heger II, lima buah Heger III, dan lima buah artifak dalam kategori tidak dikenal pasti (*non-Heger*). Dominasi penemuan Heger I yang tersebar di beberapa lokasi strategik, walaupun sebahagian besarnya ditemukan dalam keadaan berfragmentasi, bertindak sebagai indikator kukuh yang membuktikan kelangsungan serta kedinamikan penglibatan perairan negara dalam jaringan perdagangan maritim purba di rantau Laut China Selatan semenjak era Zaman Logam.

Selain itu, kewujudan koleksi gendang gangsa yang lengkap dan utuh, terutamanya variasi Heger II, Heger III, dan *non-Heger* yang dipelihara di Muzium Negeri Terengganu (Koleksi Istana Bukit Kolam) serta Muzium Matang, Perak, telah mendedahkan dimensi pensejarahan baharu yang melangkaui batasan ekskavasi konvensional. Pendokumentasian artifak elit ini membuka ruang wacana yang lebih luas terhadap landskap sosiopolitik tempatan, khususnya dalam usaha menjejaki jalinan hubungan diplomatik, sistem pertukaran hadiah (*gift exchange*), serta interaksi sosiobudaya rentas sempadan antara institusi pemerintahan tempatan dengan tamadun luar pada masa lampau. Oleh hal yang demikian, pangkalan data inventori ini bukan sahaja menyediakan sumber rujukan berwibawa buat sarjana masa hadapan, malah menggariskan keperluan mendesak untuk merancakkan lagi kajian analitikal lanjutan. Analisis komparatif yang lebih holistik, bersandarkan kepada perincian komposisi metalurgi, morfologi fizikal, serta pentafsiran evolusi ikonografi pada bahagian timpanum dan badan gendang penting bagi melengkapkan historiografi dan kronologi setiap variasi Heger di Malaysia. Tuntasnya, komitmen berterusan yang bersepadu dalam aspek pemeliharaan, pemuliharaan, dan pendokumentasian berpusat bagi khazanah material Zaman Logam ini adalah amat mustahak bagi memposisikan Malaysia secara lebih strategik dan signifikan dalam peta pemetaan arkeologi di Asia Tenggara.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Abdullah, M. Y. (1993). Gendang Dong Son di Muzium Negeri Terengganu: Satu Catatan. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, *6*, 51–62.

Aoyagi, Y. (1996). ボルネオ島のヘーゲルI 式銅鼓 (Heger I type drum from Borneo Island). *Journal of Southeast Asian Archaeology.* Vol. 16: 127–131.

Bernet Kempers, A. J. (1988). The Kettledrums of Southeast Asia: A Bronze Age World and its Aftermath. *Modern Quaternary Research in Southeast Asia*. A.A. Balkema.

Calo, A. (2007). *Transitions of a Feathered World: The Distribution of Bronze Drums in Early Southeast Asia.* Tesis Doktor Falsafah. SOAS University of London. (Tidak Diterbitkan).

Calo, A. (2014). *Trails of Bronze Drums Across Early Southeast Asia: Exchange routes and connected cultural spheres*. Institute of Network Cultures.

Fraser-Lu, S. (1983). Frog drums and their importance in Karen culture. *Arts of Asia*. Vol. 13(6): 62–71.

Imamura, K. (1993). Two tradition of Heger I type bronze drums. *Journal of Southeast Asian Archaeology*. Vol. 13: 113–130.

Imamura, K. (2010). The distribution of bronze drums of Heger I and Pre-I types: Temporal changes and historical background. *東京大学考古学研究室研究紀要* (Research Minutes of the University of Tokyo Archaeological Laboratory). Vol. 24. 29–44.

Jusoh, A., (2004). *Penemuan Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia: Asal usul dan signifikan.* Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tidak Diterbitkan).

Jusoh, A. (2012). Penemuan Gendang Gangsa Timbang Dayang (Sabah) dan Kepentingannya dalam Konteks Arkeologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Vol. 25: 49–63.

Jusoh, A. (2014). Elemen Inovasi dan Kreativiti Masyarakat Zaman Prasejarah Akhir Berdasarkan Lakaran Motif dan Pola Hiasan Gendang Gangsa di Asia Tenggara. *Malaysia dari Segi Sejarah*. Vol. 42: 1–16.

Jusoh, A., Ramli, Z., & Nik Abdul Rahman, N. H. S. (2014). Bronze Drum in Selangor (Malaysia): The Motif and Significance from Archaeological Perspective. *Research Journal of Applied Sciences, Engineering and Technology*. Vol. 8(7): 863–870.

Jusoh, A., & Sabin, Y. S. (2019). Motif Hiasan Tiga (3) Buah Gendang Gangsa di Muzium Matang, Perak. Kertas Kerja Pembentangan.

Seminar Arkeologi Kebangsaan 4. Jabatan Warisan Negara, Kuala Lumpur, Malaysia.

Jusoh, A., Sabin, Y. S., & Ramli, Z. (2011). Gendang gangsa di Asia Tenggara: Tinjauan terhadap motif berunsur geometri. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*. Vol. 29(2): 21–44.

Leong, S. H. (1989). Satu Perbincangan Mengenai Peninggalan Objek-Objek Gangsa Kecil dari Zaman Prasejarah Malaysia. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Vol. 2: 1–8.

Leong, S. H. (1997). Some Observations on a Newly Found Dongson Type Bronze Kettledrum from Selangor. *Jurnal Seri Alam.* Vol. 4: 1–18.

Leong, S. H. (2002). *Heger I Type Drums Found in Malaysia: Some Comments on the Significances of These Finds. Kertas Kerja Pembentangan*. International Seminar on Dongson Culture and Tradition in Southeast Asia. Muzium Negeri Terengganu, Malaysia.

Linehan, W. (1928). Some discoveries on the Tembeling. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.* Vol. 6(4): 66–76.

Linehan, W. (1951). Traces of a Bronze Culture Associated with Iron Age Implements in the Regions of Klang and the Tembeling, Malaya. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. Vol. 24(3): 1–59.

Molinka, N. N. (2022). Dapatan kajian motif bintang gendang gangsa Heger I di Malaysia. *Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*. Vol. 8(1): 335–348.

Molinka, N. N., Basrah Bee, B. B., & De Silva, M. (2018). Penelitian awal terhadap motif hiasan timpanum gendang gangsa Timbang Dayang, Pulau Banggi, Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Vol. 31(2): 51–61.

Nik Abdul Rahman, N. H. S. (2001). Loceng Gangsa Penchu Muar Johor dalam konteks Zaman Gangsa Malaysia. *Jurnal Warisan Johor*. Vol. *5:* 165–173.

Peacock, B. A. V. (1964). *A Preliminary Note on the Dongson Bronze Drums from Kampung Sungai Lang.* Federated Museums Journal. Vol. 9: 1–3.

Peacock, B. A. V. (1965). *Two Dong So'n Drums from Kuala Terengganu.* Malaya in History. Vol. 10(2): 26–31.

Peacock, B. A. V. (1969). *Gendang di Kampong Sungai Lang.* Malaysia Dari Segi Sejarah. Vol. 5(1): 17–30.

Fail Muzium

Muzium Sabah. (t.t.). *Timbang Dayang* (Fail Arkib Muzium Sabah: ARK P1/08). Muzium Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

Temubual

Affendy Rahmat. (2021, 13 September). *Kakitangan Unit Arkeologi, Muzium Sabah* [Temu bual peribadi melalui Google Meet].

Aldofus Lester John Milip. (2021, 13 September). *Penolong Pengarah II, Pengurusan Muzium, Muzium Sabah* (Temu bual peribadi melalui Google Meet).

Peter Koon. (2021, 23 Ogos). *Mantan Ketua Unit Arkeologi, Muzium Sabah* (Temu bual peribadi melalui Google Meet).